

Praktis Pengukuhan 1

Garisi kata bantu yang paling sesuai.

- 1 Nazri (masih belum, masih sedang) bangun daripada tidur walaupun jam telah menunjukkan pukul 12:00 tengah hari.
- 2 Jaswan (akan, sedang) menunggu abang sepupunya datang menjemputnya di stesen bas.
- 3 Danny dan Joshua merancang (mahu, mesti) pergi ke Disneyland Hong Kong pada cuti sekolah yang akan datang.
- 4 Saya (belum pernah, harus sudah) melihat bunga Rafflesia yang merupakan bunga terbesar di dunia.
- 5 Ibu bapa (harus, boleh) mengambil tahu aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka.
- 6 Mak Salmi (telah, hendak) berpesan kepada anak-anaknya supaya menjaga tatasusila semasa berada di rantau orang.

Praktis Pengukuhan 2

Tuliskan sama ada **betul** atau **salah** bagi penggunaan kata bantu dalam ayat-ayat di bawah ini.

- 1 Pak Din sedang bekerja di bawah terik matahari untuk mencari nafkah bagi menyara kehidupan isteri dan anak-anaknya.
- 2 Walaupun ayah tirinya menghalaunya keluar dari rumah, Chandran masih dapat bersabar kerana dia tidak mahu meninggalkan ibunya yang sangat menyayangnya.
- 3 Razif telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir pertandingan mendeklamasikan puisi peringkat daerah.
- 4 Tugas yang diberikan oleh guru akan disiapkan oleh Fuad meskipun tugas itu perlu dihantar esok.
- 5 Dia telah insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan lalu.
- 6 Tidak ada sesiapa yang boleh menasihatinya kecuali Kak Longnya.
- 7 Doktor Gan telah memeriksa pesakit yang baru dimasukkan ke bilik kecemasan itu.
- 8 Sebagai anak yang bertanggungjawab, kita perlu membalas jasa ibu bapa kita biarpun mereka tidak pernah meminta kita berbuat demikian.
- 9 Makanan yang terhidang di atas meja itu masih belum dijamah oleh Wendy.
- 10 Walaupun sudah lima tahun menetap di Kuala Lumpur, Azura belum pernah menjejakkan kakinya ke Menara Kuala Lumpur.